

PANDUAN PERUBAHAN MAKLUMAT PERNIAGAAN

Perubahan maklumat kepada sebuah perniagaan berdaftar boleh dibuat menggunakan Borang Pendaftaran Perubahan Maklumat Perniagaan (Borang B). Perubahan maklumat perniagaan yang boleh didaftarkan adalah seperti berikut :

1. Perubahan Alamat Perniagaan.
2. Perubahan Jenis Perniagaan.
3. Perubahan Maklumat Cawangan.
4. Perubahan Maklumat Pemilik atau Rakan Kongsi.

Prosedur Pendaftaran

1. Lengkapkan Borang Pendaftaran Perubahan Maklumat Perniagaan mengikut jenis perubahan.
2. Pemilik dan rakan kongsi hendaklah menandatangani di ruangan pengesahan oleh pemilik tunggal atau rakan kongsi.
3. Orang Yang Bertanggungjawab (OYB) iaitu pemilik atau rakan kongsi perlu mengemukakan permohonan di kaunter SSM atau secara online melalui perkhidmatan Ezbiz Online di laman web SSM ezbiz.ssm.com.my. kecuali bagi perubahan maklumat pemilik atau rakan kongsi hanya boleh dilakukan di kaunter.
4. Dokumen yang perlu dilampirkan:
 - (a) Kad pengenalan pemilik atau rakan kongsi bagi perubahan kemasukan baru dan penarikan diri pemilik perniagaan.
 - (b) Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan yang asal bagi perubahan alamat perniagaan, jenis perniagaan dan perubahan cawangan.
 - (c) Salinan sijil kematian jika rakan kongsi meninggal dunia.
 - (d) Surat kebenaran atau surat sokongan daripada agensi berkaitan sekiranya diperlukan oleh Pendaftar Perniagaan bagi pendaftaran penambahan jenis perniagaan

Syarat

1. Rakan kongsi baru mestilah Warganegara Malaysia atau Penduduk Tetap dan berumur 18 tahun dan ke atas.
2. Pemilik atau rakan kongsi sahaja dibenarkan untuk membuat permohonan.
3. Bagi perubahan maklumat pemilik, semua rakan kongsi perlu hadir ke kaunter SSM.

Fi Pendaftaran

1. Pendaftaran Perubahan Maklumat Perniagaan – RM20.00
2. Pendaftaran Penambahan Cawangan – RM5.00 setiap cawangan
3. Cetakan Maklumat perniagaan – RM10.00

Panduan Am

1. Perubahan Perniagaan mestilah didaftarkan dalam masa 30 hari dari tarikh perubahan.
2. Perniagaan berdaftar yang belum tamat tempoh perakuan pendaftaran perniagaan sahaja dibenarkan mendaftarkan perubahan.
3. Perubahan jenis perniagaan yang didaftarkan mestilah bersesuaian dengan nama perniagaan.
4. Perubahan jenis perniagaan yang didaftarkan tidak menyalahi undang-undang, tidak bersesuaian dengan keselamatan persekutuan, ketenteraman awam atau prinsip moral.
5. Perniagaan yang menggunakan nama tred sama ada pemilikan tunggal atau perkongsian boleh menukar status dari pemilikan tunggal kepada perkongsian atau sebaliknya.
6. Keputusan permohonan boleh diperolehi dalam masa satu (1) jam selepas transaksi pembayaran dibuat di kaunter.
7. Seseorang yang meneruskan perniagaan tanpa mengemukakan perubahan kepada butir-butir berdaftar perniagaan tersebut adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta dan hendaklah jika disabit kesalahan dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya.